



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

<b>KURSUS</b>	<b>:</b>	<b>TAKAFUL</b>
<b>KOD KURSUS</b>	<b>:</b>	<b>DPI 2113</b>
<b>PEPERIKSAAN</b>	<b>:</b>	<b>APR 2016</b>
<b>MASA</b>	<b>:</b>	<b>2 JAM 30 MINIT</b>

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (15 Markah)  
BAHAGIAN B (25 Markah)  
BAHAGIAN C (60 Markah)
  
2. Jawab **SEMUA** soalan dari **BAHAGIAN A**, Jawab **LIMA(5)** soalan dari **BAHAGIAN B** dan Jawab **ENAM (6)** soalan dari **BAHAGIAN C** .
  - i. Jawab **BAHAGIAN A** di dalam Borang Jawapan Betul/Salah
  - ii. Jawab **BAHAGIAN B** dan **C** di dalam Buku Jawapan.
  
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
  
4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Borang Jawapan Betul/Salah
  - iii. Buku Jawapan



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi LIMA BELAS(15) soalan. Jawab SEMUA soalan di dalam Borang Jawapan Betul/Salah.

1. Polisi sesebuah insuran adalah dokumen pengesahan penyertaan individu terhadap insuran yang diambil.
2. Pencarum hanya dibenarkan mengambil '*riders*' setelah menyertai insuran yang wajib seperti kematian, kemalangan dan cacat kekal.
3. Bunuh diri dikategorikan sebagai *moral hazard*.
4. Anak yang di bawah umur 18 tahun perlu mendapat kebenaran ibu bapa untuk mendapatkan perlindungan insuran.
5. Pampasan akan dibayar sekiranya tiada kemalangan yang berlaku dan duit premium yang telah dibayar tidak akan dikembalikan.
6. Konsep *endowmen* merupakan konsep yang mengikat pencarum sehingga berumur 100 tahun.
7. Ciri-ciri '*term policy*' mengikat pencarum selama tempoh yang dibenarkan sahaja iaitu selama 55 tahun.
8. Konsep *mudarabah* dalam takaful memberi peluang kepada pencarum untuk mengambil keuntungan 100%.
9. *Gharar* dan *maisir* dibenarkan dalam operasi perbankan Islam.
10. *Wakalah* merupakan broker di antara pencarum dan syarikat insuran.
11. Kontrak *al-mu'awadat* ialah kontrak insuran yang melibatkan pertukaran nilai kewangan yang tidak sama diantara pihak-pihak yang terlibat.

12. Penerimaan tawaran dikatakan berlaku samada dengan penerimaan surat rasmi, resit penerimaan premium atau tingkah laku insurer.
13. Berdasarkan Akta takaful 1996 merujuk kepada satu skim yang berasaskan persaudaraan, perpaduan dan bantuan bersama yang menyediakan pertolongan dan bantuan kewangan kepada peserta-peserta.
14. Kontrak *daman* atau *kafalah* (persahabatan) membolehkan seseorang individu menjadi wali/perlindung kepada individu lain. Jika yang dilindungi melakukan jenayah secara tidak sengaja, wali/perlindung akan membayar *diat*, dan sebagai ganjaran boleh mempusakai harta penjamin sekiranya dia mati tanpa waris.
15. Risiko ialah kemungkinan mengalami kerugian atau kecederaan.

(15 markah)

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi ENAM (6) soalan. Jawab LIMA (5) soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Bincangkan kepentingan polisi insuran.

(5 markah)

**SOALAN 2**

Terangkan tanggungjawab anda sebagai agent insuran.

(5 markah)

**SOALAN 3**

Rungutan dan aduan pencarum kepada agent merupakan satu perkara yang perlu diambil berat oleh syarikat insuran. Terangkan **DUA (2)** jenis aduan yang biasa kita dengar.

(5 markah)

**SOALAN 4**

Bincangkan **DUA (2)** keburukan yang diterima oleh pencarum sekiranya membatalkan polisi lebih awal dari tempoh matang.

(5 markah)

**SOALAN 5**

Terangkan secara ringkas 'objektif selepas' bagi pengurusan risiko.

(5 markah)

**SOALAN 6**

Terangkan Persatuan Insuran Am Malaysia (PIAM)

(5 markah)

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi TUJUH (7) soalan. Jawab ENAM (6) soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Insuran mempunyai peranan penting dalam pembangunan ekonomi Negara. Huraikan **LIMA (5)** sebab mengapa individu atau sesebuah organisasi memerlukan insuran

(10 markah)

**SOALAN 2**

Bincangkan **EMPAT(4)** risiko peribadi di bawah kategori risiko tulen.

(10 markah)

**SOALAN 3**

Bincangkan mengenai kawalan kerugian.

(10 markah)

**SOALAN 4**

Bincangkan mengenai:

i. Prinsip penuh percaya mutlak

(5 markah)

ii. Prinsip indemnitati

(5 markah)

**SOALAN 5**

Akta takaful 1984 terbahagi kepada empat bahagian. Jelaskan.

(10 markah)

**SOALAN 6**

Secara umumnya terdapat ciri-ciri risiko yang boleh diinsurakan. Huraikan **LIMA (5)** ciri-ciri risiko tersebut.

(10 markah)

**SOALAN 7**

Bincangkan apakah manfaat yang akan diterima oleh pencarum sekiranya menamatkan polisi sebelum tempoh .

(10 markah)

**KERTAS SOALAN TAMAT**

